



SEBAHAGIAN daripada pelajar yang mengikuti Program PJJ UPM.

Diploma PJJ Universiti Putra Malaysia

Tepati keperluan golongan pekerja

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) telah mula menawarkan program Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda (Bachelor) secara Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) bagi pelajar yang bekerja sejak tahun 1995.

Sementara itu, pada tahun 2012, Program Diploma PJJ pula ditawarkan selepas mendapat pengesahan Senat Universiti dan sokongan serta persetujuan pihak fakulti yang terlibat.

Sebenarnya, pelajar yang mengikuti Program PJJ sama sahaja seperti pelajar sepenuh masa. Ini kerana, program yang ditawarkan secara PJJ sebenarnya sama seperti program sepenuh masa yang terdapat di UPM, mengikut fakulti yang terlibat.

Program tersebut menggunakan kurikulum, jumlah kredit dan syarat untuk bergraduasi serta sistem pengajian yang sama dengan program sepenuh masa.

Tenaga pengajarnya juga adalah pensyarah-pensyarah daripada fakulti yang terlibat dengan program yang ditawarkan. Jumlah jam pembelajaran pelajar bagi Program PJJ adalah yang telah dipersetujui oleh Se-

nat UPM.

Malah, graduan PJJ akan diraikan pada majlis konvokesyen yang sama dengan graduan sepenuh masa.

Namun, antara Program Ijazah Sarjana Muda/Diploma PJJ dan sepenuh masa terdapat juga perbezaannya iaitu dari aspek kaedah pelaksanaan, pengendalian dan masa kuliah.

Pembelajaran PJJ adalah melalui gabungan dua kaedah iaitu perjumpaan bersemuka (bersama pensyarah daripada fakulti) dan pembelajaran secara sendiri dengan bimbingan tutor yang dilantik di 16 buah Pusat Pembelajaran terpilih.

Perjumpaan bersemuka dilaksanakan dalam bentuk kelas di UPM manakala lintas langsung (sidang video) diadakan dengan pelajar yang berada di pusat pembelajaran terpilih dan melalui rakaman.

Selain itu, sesi *tutorial* selama 12 jam bagi setiap subjek per semester dilaksanakan di pusat masing-masing, tetapi sesi itu hanya diadakan pada hujung minggu sekali gus menjadikan program PJJ UPM sangat sesuai

untuk golongan bekerja.

Sehubungan itu, pelajar mempunyai pilihan untuk mengikuti sesi pengajian di lokasi paling hampir dengan mereka tanpa perlu bimbang mengenai kesukaran menghadiri kelas.

Sekiranya tidak berkesempatan untuk menghadiri perjumpaan bersemuka di UPM, pelajar boleh merujuk rakaman yang telah dibuat melalui portal pelajar.

Kaedah pembelajaran untuk semua Program Sarjana PJJ selain Sarjana Pentadbiran Pendidikan (MPPP) adalah melalui tiga kali perjumpaan secara bersemuka pada setiap semester di Kampus UPM Serdang bersama pensyarah daripada fakulti yang terlibat. Perjumpaan tersebut diadakan pada hari Sabtu dan Ahad sahaja.

Bagi Program MPPP, ia dilaksanakan di UPM secara lintas langsung (sidang video) dengan pelajar yang berada di pusat pembelajaran terpilih pada setiap hujung minggu.

Program yang ditawarkan secara PJJ adalah Diploma Pembangunan Manusia (DPM), Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan

(DBDKP), Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian (BSP), Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia (BSPM), Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Sumber Manusia (BSHRD), Ijazah Sarjana Muda Sastera Bahasa Inggeris (BABE), Ijazah Sarjana Muda Sastera Bahasa & Linguistik Melayu (BABM), Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (BCOMM) dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (TESL).

Program PJJ di peringkat Sarjana adalah Pembangunan Manusia (MHRD), Komunikasi Korporat (MCCOMM), Pentadbiran Pendidikan (MPPP), Bahasa Melayu (MBM) dan Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama (MPPBMP).

Pusat Pembelajaran bagi Program PJJ UPM adalah di Kedah (Alor Setar), Perak (Ipoh), Selangor (Shah Alam), Kuala Lumpur, Negeri Sembilan (Seremban), Melaka (Ayer Keroh), Johor (Johor Bahru), Pahang (Kuantan), Terengganu (Kuala Terengganu), Kelantan (Kota Bharu), Sabah (Kota Kinabalu dan Tawau), Sarawak (Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri) dan Kampus UPM Serdang.

